



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 SEPTEMBER 2016

LIABILITI?

um-18/9/2016

SEPERTI yang dijangka, penyerahan Deklarasi Rakyat oleh Dr. Mahathir Mohamad kepada Yang di-Pertuan Agong di Istana Anak Bukit, Alor Setar kelmarin tidak memberi impak.

Reaksi orang ramai yang mengikuti perkembangan itu hambar. Ini kerana kegagalan deklarasi tersebut sebelum ini dalam menarik sokongan rakyat selain isu ketulenan 1.4 juta tandatangan. Mahathir sendiri masih gagal menjawab persoalan ketulenan kutipan tandatangan tersebut, yang dicabar dengan bukti oleh beberapa pihak. Sebagai negarawan dan lama menjadi Perdana Menteri, sepatutnya beliau membersihkan terlebih dahulu aspek tersebut sebelum menyerahkannya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Awang menjunjung kasih ke atas Tuanku Abdul Halim kerana memperkenankan Dr. Mahathir mengadap. Ternyata dakwaan beliau kononnya



**MAHATHIR
MOHAMAD**

**Satu demi satu
percaturan
Dr. Mahathir
setakat ini tidak
menjadi, malah
menyebabkan
beliau makin
merudum
pengaruh,
sokongan dan
simpati.**

Yang di-Pertuan Agong dikenakan tahanan di istana adalah tidak benar.

Ia memberi mesej yang jelas bahawa tohmahan Dr. Mahathir sekali lagi tidak berasas. Apakah beliau akan memohon ampun kepada Seri Paduka selain memohon maaf kepada rakyat kerana membakar sentimen masyarakat?

Beberapa hari lalu, pemimpin PKR menuntut beliau memohon maaf kepada Anwar Ibrahim sementara ramai penyokong Dr. Mahathir kurang senang pertemuannya dengan Anwar di mahkamah selepas berseteru 18 tahun.

Perkembangan tersebut menyerlahkan Dr. Mahathir makin tertekan dan terdesak, yang sifat itu tidak seharusnya ada pada pemimpin besar. Jika mantan Pengerusi Barisan Nasional dan UMNO itu sanggup berbaik dengan musuh politik seperti Anwar dan Lim Kit Siang, tidak mengejutkan suatu hari nanti beliau akan kembali mendampingi Perdana Menteri, Najib Tun Razak.

Semua orang tahu, gerakan untuk menggugat kerajaan dan menjatuhkan Najib di luar proses demokrasi tidak akan memberi kesan. Buktinya, satu demi satu percaturan Dr. Mahathir setakat ini tidak menjadi, malah menyebabkan beliau makin merudum pengaruh, sokongan dan simpati. Inilah akibat apabila pemimpin hilang elegan dalam pendekatannya.

Nasihat insan kerdil seperti Awang, memandangkan Dr. Mahathir telah menubuhkan parti politik baharu, eloklah beliau secara budiman menanti persaingan pada pilihan raya umum akan datang.

Agar beliau tidak menjadi liabiliti kepada parti mahupun diri sendiri.